
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

SPW209 – Politik Perbandingan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja daripada pilihan di bawah ini.

1. Dalam proses pembangunan politik ke arah pembinaan negara bangsa, kajian menunjukkan kebanyakan negara berhadapan dengan “lima krisis utama”. Bincangkan krisis tersebut dengan menggunakan contoh-contoh pilihan anda.
(100 markah)

2. Apakah yang anda fahamkan tentang pembangunan politik? Bincangkan kesejarahan pembangunan politik negara-negara Barat dalam tiga (3) dimensi berikut
 - a. kekuasaan pemerintah
 - b. identiti nasional
 - c. penyertaan politik
(100 markah)

3. Apakah yang anda fahamkan mengenai budaya politik? Bincangkan unsur-unsur penting sosialisasi politik dalam kerangka budaya politik demokrasi.

(100 markah)

4. Dalam konteks teori edaran elit, Mosca menggariskan empat faktor utama elit-elit politik mengekalkan kedudukan mereka. Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh untuk menyokong hujah anda.

(100 markah)

5. Sandaran utama Politik Islam ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak Ulama’ dan Qias. Dalam kerangka ini bincangkan prinsip-prinsip asas politik Islam seperti yang digariskan oleh al-Maududdi. Bincangkan juga perbezaan antara demokrasi Islam dengan demokrasi lazim.

(100 markah)

6. Apakah sifat-sifat kepimpinan seperti yang telah dibincangkan oleh Stogdill? Bincangkan EMPAT teori kepimpinan yang telah dibahaskan oleh Rowden.

(100 markah)